

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 JULAI 2015 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Cadang peruntukan RM50 juta untuk R&D	Utusan Malaysia
2.	MOSTI peruntuk RM50 juta untuk R&D keselamatan siber	BERNAMA
3.	Pindaan Akta Ahli Kimia 1975 tepat masanya	Utusan Malaysia
4.	Parlimen: Pindaan akta ahli kimia bertepatan untuk hadapi keadaan semasa	BERNAMA
5.	Find solution to critical water situation	The Star
6.	Firemen on the lookout for fires	The Star
7.	Gempa bumi lemah landa Ranau malam ini	BERNAMA
8.	Gempa bumi lemah landa Ranau, Sabah pagi ini	BERNAMA
9.	Penjawat awam mangsa gempa bumi boleh buat tuntutan insurans	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 3 JULAI 2015 (JUMAAT)

Cadang peruntukkan RM50 juta untuk R&D

KUALA LUMPUR 2 Julai - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bercadang memperuntukkan sebanyak RM50 juta dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk keselamatan siber di negara ini bermula tahun depan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Diah berkata, peruntukan itu bertujuan menangani kes-kes ancaman siber yang semakin meningkat di negara ini.

Katanya, kes siber yang dilaporkan pada tempoh Januari hingga Mei tahun ini meningkat sebanyak 11.27 peratus iaitu 4,581 kes berbanding 4,117 kes bagi tempoh sama pada 2014.

"Setiap tahun kementerian memperoleh antara RM240 sehingga RM270 juta

untuk sektor R&D sahaja.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar majlis Prapelancaran Pameran, Persidangan dan Anugerah CyberSecurity Malaysia 2015 (CSM-ACE 2015) di sini hari ini.

Dalam pada itu, Amiruddin berkata, ibu pejabat dan pusat inovasi CSM di Cyberjaya dijangka beroperasi bermula tahun 2019.

Katanya, bangunan itu bakal menyediakan infrastruktur serta kemudahan bagi melaksanakan program-program penyelidikan, penyiasatan dan penyediaan polisi serta prosedur berkaitan keselamatan siber di Malaysia.

Menurut beliau, kos projek bagi pembangunan ibu pejabat dan pusat inovasi itu bernilai RM340 juta.



ABU BAKAR DIAH



Mosti Peruntuk RM50 Juta Untuk R&D Keselamatan Siber

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(MOSTI\)](#) akan memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) melibatkan keselamatan siber di negara ini.

[Timbalan Menterinya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#), berkata wang itu adalah sebahagian daripada peruntukan R&D tahunan diterima MOSTI iaitu antara RM240 juta hingga RM270 juta.

"Peruntukan R&D ini khusus bagi tujuan meningkatkan keselamatan siber. Ini memandangkan secara puratanya seorang rakyat Malaysia memiliki sekurang-kurangnya dua telefon bimbit," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis prapelancaran Pameran, Persidangan dan Anugerah Cyber Security Malaysia (CSM-ACE) 2015, di sini, Khamis.

Menurutnya, kes jenayah siber turut meningkat sebanyak 11.27 peratus kepada 4,581 kes sepanjang tempoh Januari hingga Mei lepas berbanding 4,117 kes yang dilaporkan bagi tempoh sama, tahun lepas.

Malah, beliau turut menjangkakan peratusan itu kekal pada tahun ini berikutan semakin ramai rakyat negara ini menggunakan teknologi internet.

"Bagaimanapun, peratusan ini dijangka akan lebih baik dalam tempoh tiga tahun akan datang," katanya.

Sementara itu, Cyber Security Malaysia dijangka berpindah ke bangunan baharu di Cyberjaya pada 2019 dengan pembinaan infrastrukturnya akan bermula pada Ogos ini.

Projek pembangunan merangkumi ibu pejabat dan pusat inovasi yang menelan kos RM340 juta itu merupakan kerjasama awam-swasta antara CSM dan Gagasan Piramid Sdn Bhd.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 3 JULAI 2015 (JUMAAT)

Pindaan Akta Ahli Kimia 1975 tepat masanya

KUALA LUMPUR 2 Julai - Pindaan terhadap subseksyen 7 Akta Ahli Kimia 1975 seperti dikemukakan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi di Dewan Negara hari ini, disifatkan sebagai tepat pada masanya.

Senator Datuk Boon Som Inong berkata, ini kerana pindaan bagi memperkenalkan enam fungsi baharu Institut Kimia Malaysia (IKM) itu dapat menyalurkan maklumat dan nasihat terus kepada orang awam mengenai perkara berhubung dengan kimia.

Beliau berkata, pindaan itu juga dapat memberi maklumat secara profesional serta nasihat tentang isu nasional dan global melibatkan orang awam dengan kerjasama ahli akademik, badan profesional dan industri.

"Perluasan fungsi ini memang kena pada masanya kerana situasi sekarang menunjukkan masyarakat kita kekurangan maklumat mengenai bahan-bahan

kimia, khususnya yang berbahaya dan kesannya kepada pengguna serta alam sekitar.

"Masyarakat kita juga kurang peduli dengan bahan kimia atau produk yang mereka gunakan setiap hari, sehinggakan ada keti-kanya tidak sedar yang mereka telah menggunakan bahan-bahan terlarang," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Ahli Kimia (Pindaan) 2015.

Boon Som berkata, pihak-pihak yang mengambil kesempatan atas ketidakpekaan masyarakat mengenai bahan kimia tidak boleh dibiarkan dan perlu dibanteras.

Ini kerana kata beliau, mereka bukan sahaja boleh mengancam kesihatan dan nyawa rakyat tetapi juga keselamatan negara.

"Kita juga tidak boleh membiarkan negara menjadi tempat lamba-



BOON SOM INONG

kan bahan-bahan kimia yang berbahaya seperti ini," ujarnya.

Dewan Negara meluluskan rang undang-undang tersebut selepas dibacakan buat kali ketiga oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

Terdahulu, ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu, Abu Bakar berkata, negara memiliki peralatan dan kepakaran yang tidak perlu dipertikaikan dalam bidang kimia.

Jelasnya, dalam sejarah kes di mahkamah yang membabitkan bahan kimia barang bukti, pendakwa raya tidak pernah menggunakan atau membawa pakar kimia dari luar negara, sebaliknya hanya menggunakan kepakaran daripada Jabatan Kimia.



Parlimen: Pindaan Akta Ahli Kimia Bertepatan Untuk Hadapi Keadaan Semasa

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Pindaan Akta Ahli Kimia 1975 yang bertujuan memperluas fungsi ahli kimia amat bertepatan dengan situasi semasa, yang mana rakyat negara ini yang semakin terdedah dengan pelbagai produk mengandungi bahan kimia berbahaya.

Senator Datuk Boon Som Inong berkata, tanpa disedari ancaman itu mungkin terkandung di dalam makanan seperti buah-buahan, bahan-bahan komestik dan penjagaan kesihatan yang mungkin digunakan setiap hari.

"Saya berpendapat pindaan pada akta ini yang bertujuan memperkenalkan fungsi baharu Institut Kimia Malaysia memang kena pada masanya iaitu dalam memberi maklumat dan nasihat kepada anggota dan orang awam mengenai perkara yang berhubungan dengan kimia," katanya semasa membahaskan Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 2015 di Dewan Negara di sini Khamis.

Katanya, pelbagai produk seperti makanan, kosmetik dan kesihatan yang tidak diketahui kandungan bahan kimianya semakin banyak dalam pasaran negara ini dan rakyat yang mungkin tidak mengetahui kandungannya membeli produk itu.

Katanya, semua ini menunjukkan pentingnya peranan ahli kimia dalam melaksanakan tugas untuk menentukan kandungan bahan kimia dalam sesuatu produk adalah selamat.

"Sekarang ini kesedaran masyarakat kita mengenai kepentingan penjagaan kesihatan semakin meningkat, namun kita tidak seharusnya membiarkan ada pihak yang terus mengeksploitasi keadaan ini dengan menyogokkan kepada rakyat kita dengan produk-produk yang mempunyai bahan kimia terlarang," katanya.

Terdahulu, rang undang-undang itu dibentangkan oleh [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) yang antara lainnya menyebut pindaan itu bertujuan menambah baik peranan dan pengurusan ahli-ahli kimia sedia ada.

Rang undang-undang itu kemudiannya dibahaskan sebelum diluluskan tanpa sebarang pindaan.

Sebelum itu, persidangan dewan hari ini turut meluluskan Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015.

Persidangan Dewan Negara bersambung Isnin depan.

-- BERNAMA

Find solution to critical water situation

IT is hardly a month into the dry spell and the water situation is already critical in a few states.

The water level at two dams in Johor has reached critical levels while in Selangor, consumers in Semenyih are bracing themselves for the worst if the water supply situation does not improve in the next few months.

If the dry spell continues, more states could be bracing for the worst if the water level in the country's dams do not improve in the next few months.

It is indeed mind-boggling that a country such as Malaysia, which is blessed with so much of rain, can face a water shortage.

The irony is that only a few months ago, between November



and January, we had so much rain and many parts of the country were flooded.

And then, just after the monsoon season and the beginning of

the dry season, water level in the dams are dropping to critical level.

According to the **Meteorological Department**, it will be dry till

August. In Seremban, although Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) has assured that all dams except the Gemencheh Dam were at normal levels, murky water is coming from the pipes.

This is a sign that water levels are at a critical stage too.

When it rains, it pours. We need to harvest rain water and put it to good use. So much rain water is wasted. The surplus water can be harvested and used during the dry season when there is no water in our dams and pipes.

We have to find a solution to this situation. Nothing is impossible.

SAMUEL YESUIAH
Seremban

Firemen on the lookout for fires

PETALING JAYA: With the current hot and dry weather, authorities are keeping a close eye on fire prone areas nationwide.

One such area is near the KL International Airport which is mostly made up of peat soil.

Urban Wellbeing, Housing and Local Government Minister Datuk Rahman Dahlan said firemen were on the alert.

"They are monitoring an area of several kilometres radius around the airport," he said.

"They want to put out any fires as soon as these occur so that operations at the KLIA will not be disrupted," he added.

Fire and Rescue Services Department director-general Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim said other areas prone to peat fires were Pontian, Johor; Pekan, Pahang; and Sabah and Sarawak.

Rahman, who was speaking to reporters after joining firemen at the Sri Hartamas station for *sahur* (pre-dawn meal), said the

Government had given out extra funds to buy more fire-fighting equipment.

Rahman said the department was given RM46.6mil and bought various types of fire fighting equipment, including 55 portable pumps and 100 mobile dams. "We are now better equipped to deal with peat and forest fires."

The Meteorological Department expects the hot and dry weather – with daytime temperatures of between 33°C and 35°C – to last another month.

Rahman hoped that people would not set fires to clear land or be careless when throwing away cigarette butts or flammable material.

"Please be responsible," he added.



For more stories:
See Page 37



Gempa Bumi Lemah Landa Ranau Malam Ini



KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 3.2 pada skala Richter melanda Ranau, Sabah pada 10.35 malam ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan di sini pada Khamis malam berkata pusat gempa itu adalah di 6 darjah Utara dan 116.6 darjah Timur, 8 kilometer barat laut dari Ranau, telah menghasilkan gegaran di kawasan yang terjejas.

Pada 5 Jun lepas, Ranau digegarkan oleh gempa bumi sederhana berukuran 5.9 pada skala Richter yang meragut 18 nyawa.

Sementara itu dalam kenyataan berasingan Jabatan Meteorologi berkata gempa sederhana berukuran 5.4 pada skala Richter berlaku di Wilayah Timur New Guinea, Papua New Guinea pada 11.01 malam ini.

Kenyataan itu berkata gempa itu berpusat 100km di Utara Lae, Papua New Guinea dan 3,362km tenggara Semporna, Sabah.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 03 JULAI 2015 (JUMAAT)



Gempa Bumi Lemah Landa Ranau, Sabah Pagi Ini

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Satu gempa bumi lemah berukuran 2.7 pada skala Richter melanda Ranau, Sabah pada 6.03 pagi ini.

Jabatan Meteorologi dalam kenyataan hari ini berkata gempa bumi berlaku 6km barat laut Ranau, Sabah.

-- BERNAMA



Penjawat Awam Mangsa Gempa Bumi Boleh Buat Tuntutan Insurans - Kementerian Kewangan

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Penjawat awam yang menjadi mangsa gempa bumi di Sabah baru-baru ini, dinasihatkan mengemukakan tuntutan insurans bencana alam kepada panel insurans yang dilantik.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan hari ini berkata tuntutan insurans itu boleh dilakukan oleh mereka yang mempunyai akaun dengan Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP) Perbendaharaan.

Tuntutan insurans itu meliputi perkara berikut:

- i). Kerosakan struktur bangunan seperti dinding, lantai, atap, siling dan sebagainya.
- ii). Pecah rumah dengan tujuan mencuri semasa kejadian gempa bumi.
- iii). Perbelanjaan hotel atau rumah sewa dalam tempoh baik pulih yang tidak dapat didiami.
- iv). Kecederaan orang awam (pihak ketiga) akibat kemalangan di dalam rumah, ia tertakluk kepada polisi insurans yang dipilih.

Menurut kenyataan itu, mangsa boleh membuat tuntutan dengan menghubungi syarikat insurans atau takaful yang terbabit.

Sehubungan itu, BPP berharap mangsa yang terlibat segera mengemukakan tuntutan insurans mereka untuk mempercepatkan proses pembayaran pampasan.

Pada 5 Jun lepas, gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter menggegarkan Ranau, Sabah dan mengorbankan 18 nyawa melibatkan 14 pendaki dan empat malim gunung, termasuk warga asing yang sedang melakukan aktiviti pendakian di Gunung Kinabalu.

Sebanyak 100 gegaran susulan turut direkodkan [Jabatan Meteorologi](#) sehingga 28 Jun lepas.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari di laman web <http://bpp.treasury.gov.my> atau menghubungi meja bantuan banjir talian **03-8880 2121**.

-- BERNAMA